



**Pekeling Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan
Bilangan 11/2009**

**Pemakaian Peruntukan Undang-undang Bagi Menyelesaikan
Isu Pembatalan Sekatan Kepentingan Bagi Hakmilik Tanah
Di Bawah Akta Tanah (Kawasan Berkelompok) 1960**



**JABATAN KETUA PENGARAH TANAH DAN GALIAN PERSEKUTUAN
KEMENTERIAN SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR
PUTRAJAYA**

© Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan, 2010

Hak cipta terpelihara. Tiada mana-mana bahagian jua daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula atau disimpan dalam bentuk yang boleh diperoleh semula atau dihantar dalam sebarang bentuk atau apa jua cara sama ada secara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman atau sebaliknya tanpa mendapat keizinan terlebih dahulu daripada Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan.

Maklumat Dokumen

Tajuk dokumen	Pekeliling Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan Bilangan 11/2009
Disediakan oleh	Seksyen Kajian Penyelidikan dan Pembangunan, Bahagian Kemajuan Pengurusan dan Perundangan, Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan
Alamat	Aras 4, Blok Menara, Wisma Sumber Asli, Presint 4, No. 25, Persiaran Perdana, Presint 4 Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, 62574 Kuala Lumpur
Telefon	03-88712668
Faks	03-88810802
E-mel	skpp@kptg.gov.my
Kategori dokumen	Terbuka
Tarikh kuat kuasa	1 Januari 2010

Kawalan Versi Dokumen

Pekeliling Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan
Bilangan 11/2009

**Pemakaian Peruntukan Undang-undang Bagi Menyelesaikan
Isu Pembatalan Sekatan Kepentingan Bagi Hakmilik Tanah
Di Bawah Akta Tanah (Kawasan Berkelompok) 1960**

Tujuan

Pekeliling ini dikeluarkan untuk menasihatkan semua Pentadbir Tanah dalam menguruskan proses pembahagian pusaka dan pendaftaran yang melibatkan hakmilik-hakmilik tanah terdahulu di bawah Akta Tanah (Kawasan Penempatan Berkelompok) 1960 yang mempunyai sekatan kepentingan menghalang pindahmilik dibuat kepada lebih daripada seorang.

Latar Belakang

2. Isu ini timbul ekoran daripada pindaan Akta A1176 pada tahun 2002 ke atas subseksyen 7(2) Akta Tanah (Kawasan Penempatan Berkelompok) 1960 yang membolehkan tanah-tanah yang diwartakan di bawah Akta tersebut dipindahmilik atau diturunmilik kepada tidak lebih daripada dua penama. Menurut seksyen 124 Kanun Tanah Negara (KTN) 1965 yang secara amnya menyatakan kuasa Pihak Berkuasa Negeri untuk meminda syarat-syarat dan lain-lain perkara di atas permohonan pihak tuan punya tanah (*proprietor*). Oleh itu, bagi kes yang melibatkan kematian tuan punya tanah, pihak waris perlu membuat permohonan untuk mendapatkan Surat Kuasa Mentadbir terlebih dahulu bagi tujuan untuk memohon pembatalan sekatan kepentingan yang terdapat pada hakmilik tersebut daripada Pihak Berkuasa Negeri.

3. Walau bagaimanapun, memandangkan kelulusan bagi pindaan tersebut hanya boleh diperoleh daripada Pihak Berkuasa Negeri yang hanya akan membuat keputusan secara kes ke kes (*case by case basis*), penggunaan seksyen 124 KTN ini sering dikatakan menimbulkan kelewatan dan kerentan birokrasi yang berlaku semasa proses mengemukakan permohonan kepada Pentadbir Tanah dan seterusnya kepada Pihak Berkuasa Negeri untuk diputuskan.

4. Selain daripada peruntukan tersebut, Pentadbir Tanah juga turut mempunyai pilihan untuk meminda sekatan kepentingan yang terdahulu ini melalui seksyen 381 KTN yang menjurus kepada pembatalan masukan (*entry*) atau sekatan (*restriction*) yang dibuat di dalam suratan hakmilik yang menjadi usang akibat tidak lagi memberi kesan mengikut peredaran masa.

Tindakan Pentadbir Tanah

5. Oleh yang demikian, Pentadbir Tanah dengan ini mempunyai dua pilihan di bawah Kanun Tanah Negara untuk meminda sekatan kepentingan yang menghalang pindahmilik dibuat kepada lebih daripada seorang di dalam hakmilik-hakmilik terdahulu di bawah Akta Tanah (Kawasan Penempatan Berkelompok) 1960 atas permohonan tuan punya tanah atau oleh waris yang telah dilantik sebagai Pentadbir atas kematian tuan punya tanah iaitu sama ada melalui seksyen 124 atau seksyen 381 KTN bagi membolehkan pindahmilik ke atas dua orang penama dibuat atas hakmilik yang diwartakan di bawah Akta tersebut.

Pemakaian dan Tarikh Kuat Kuasa

7. Pekeliling ini dikeluarkan dengan persetujuan semua Pengarah Tanah dan Galian Negeri serta Jabatan Peguam Negara dan berkuat kuasa dengan serta merta.



(DATO' ABD HALIM BIN AIN)
Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan

No. Fail: JKPTG/101/KPU/779 Jld. 4

Tarikh: 20 November 2009